

PROGRAM 'KENALI ARKIB ANDA' ANJURAN UNIT ARKIB CAWANGAN KEDAH

19 JUN 2023

Disediakan oleh: Atirah Ruslan

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH
KAMPUS KEDAH



Hari Arkib Peringkat Antarabangsa telah disambut pada tanggal tarikh 9 Jun setiap tahun. Tarikh 9 Jun dipilih sebagai sambutan Hari Arkib Antarabangsa bersempena dengan tarikh penubuhan Majlis Arkib Antarabangsa (ICA) yang tertubuh pada 9 Jun 1948. Bersempena sambutan Hari Arkib Antarabangsa, Unit Arkib Cawangan Kedah telah mengadakan satu (1) program 'Kenali Arkib Anda'.

Tujuan anjuran aktiviti ini adalah mempromosikan peranan Unit Arkib UiTM Cawangan Kedah kepada pengunjung Perpustakaan Sultan Badlishah, meraikan sambutan Hari Arkib serta mempromosikan koleksi rekod penting UiTM Cawangan Kedah yang telah terkumpul.

Booth 'Kenali Arkib Anda' ini telah bermula pada pukul 9.00 pagi sehingga 1.00 petang bertempat di ruang legar aras 1 PSB. Pelbagai koleksi rekod penting universiti telah dipamerkan antaranya koleksi CD, gambar, bahan penerbitan, peta dan sebagainya. Booth 'Kenali Arkib Anda' telah menerima sambutan menggalakkan daripada pengunjung PSB. Melalui program ini juga, ia bukan sekadar untuk mencapai objektif program tetapi juga telah menyumbang kepada pencapaian PI 7 : rujukan bahan arkib.

